



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PERLINDUNGAN IDENTITI KANAK-KANAK DALAM PENYIARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT KES MELIBATKAN KANAK-KANAK

PUTRAJAYA, 8 JULAI 2026 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius terhadap tindakan menyiarkan, berkongsi atau menyebarkan gambar, video dan maklumat yang boleh mendedahkan identiti kanak-kanak melalui media sosial atau mana-mana platform komunikasi digital termasuk insiden yang tular melibatkan murid di sebuah sekolah baru-baru ini.

Orang awam khususnya pengguna media sosial dan pengamal media adalah diingatkan agar tidak menyiarkan, berkongsi atau menyebarkan sebarang maklumat yang boleh membawa kepada pengecaman identiti mana-mana kanak-kanak yang terlibat dalam sesuatu kes, sama ada kanak-kanak itu merupakan mangsa, saksi atau kanak-kanak yang terlibat atau disyaki terlibat dalam apa-apa perbuatan jenayah.

Perbuatan mendedahkan identiti kanak-kanak adalah bertentangan dengan **Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]** yang melarang penerbitan atau penyiaran apa-apa gambar, nama, alamat, institusi pendidikan atau apa-apa butiran yang boleh menyebabkan seseorang kanak-kanak dikenal pasti dalam prosiding atau kes yang melibatkan kanak-kanak.

Mana-mana pihak yang disabitkan melakukan kesalahan di bawah peruntukan tersebut boleh dikenakan **denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali**.

Pendedahan identiti kanak-kanak bukan sahaja melanggar undang-undang, malah boleh menjejaskan keselamatan, kesejahteraan emosi, maruah dan proses pemulihan mereka serta memberi kesan berpanjangan terhadap kehidupan dan perkembangan kanak-kanak.

Sehubungan itu, JKM menyeru semua pihak agar menghentikan penyebaran kandungan yang boleh mendedahkan identiti kanak-kanak, menghormati hak privasi kanak-kanak dengan mengamalkan penggunaan media sosial secara beretika dan bertanggungjawab, serta memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan dengan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang.

JKM kekal komited dalam memastikan setiap kanak-kanak di negara ini mendapat perlindungan sewajarnya selaras dengan prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak.

##TAMAT##

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
8 JULAI 2026**